



# An-Nasihah

Nasihat Menasihati Dengan Kebenaran dan Kesabaran—Badan Dakwah & Rohani (BADAR)  
Sekolah Agama Menengah Hisamuddin Sungai Bertih, Klang

EDISI 2009, KELUARAN 5

10 APRIL 2009 (14 RABI'UL AKHIR 1430)

## KANDUNGAN :

- Hukum Merokok Menurut Syari'at
- Keburukan Merokok
- Kelebihan Mengumandangkan Adzan
- Masa yang menentukan?



## Keburukan Merokok

- Mulut berbau busuk.
- Membazirkan wang.
- Gigi kuning.
- Kurang stamina.
- Memudaratkan kesihatan diri dan orang sekeliling.
- Boleh mengakibatkan barah paru-paru.
- Merosakkan otak.
- Penyakit jantung koronari.
- Angin ahmar/strok.
- Kurang subur (boleh akibatkan mandul).

## Hukum Merokok Menurut Syari'at

Syaikh Muhammad bin Shalih Al-Utsaimin ditanya : Apa hukum merokok menurut syari'at, adakah dalil-dalil yang mengharamkannya?

Beliau menjawab:

**Merokok haram hukumnya** berdasarkan makna yang ditunjuk secara zahir dari ayat Al-Qur'an dan As-Sunnah serta i'tibar (logik) yang benar.

Dalil dari Al-Qur'an adalah firmanNya yang bermaksud:

**"Dan janganlah kamu menjatuhkan dirimu sendiri ke dalam kebinasaan" [Al-Baqarah : 195]**

Maknanya, janganlah kamu melakukan sebab yang menjadi kebinasaanmu.

Wajud dilalah (aspek pen-

dalilan) dari ayat tersebut adalah bahawa **merokok termasuk perbuatan mencampakkan diri sendiri ke dalam kebinasaan.**

Sedangkan dalil dari As-Sunnah adalah hadith yang berasal dari Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam secara sahih bahawa beliau melarang menyia-nyiakan harta.

Makna menyia-nyiakan harta adalah memperuntukkannya kepada hal yang tidak bermanfaat. Sebagaimana dimaklumi, bahawa membelanjakan harta dengan membeli rokok adalah termasuk kepada hal yang tidak bermanfaat bahkan perbuatan membelanjakan harta kepada hal yang di dalamnya terdapat kemudharatan.

Dalil dari As-Sunnah yang

lainnya, sebagaimana hadith-hadith dari Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam yang bermaksud:

**"Tidak boleh (menimbulkan) bahaya dan juga tidak oleh membahayakan (orang lain)"** [Hadits Riwayat Ibnu Majah, kitab Al-Ahkam



(Bersambung ke muka surat 2)

## Kelebihan Mengumandangkan Adzan



Dari Abu Hurairah r.a, dia berkata: Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

**"Seandainya manusia mengetahui pahala yang ada pada adzan dan barisan (saf) pertama, dan mereka tak boleh mendapatkannya kecuali melalui proses undian, nesacaya mereka akan melakukan dan ikuti undian."**

(HR Muttafaq 'alaih)

Dari al-Barra' bin Azib, bahawa Nabi sallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

**"Orang yang mengumandangkan adzan akan diberikan keampunan untuknya sepanjang suaranya sedang mengumandangkan adzan.**

**Membenarkannya orang yang mendengarnya dari basah dan kering dan baginya pahala orang yang bersolat bersamanya."**

(HR Ahmad dan an-Nasa'i)

# Hukum Merokok Menurut Syari'at

(Dari muka surat 1)

2340]

Jadi, menimbulkan bahaya (dharar) adalah ditiadakan (tidak berlaku) dalam syari'at, baik bahayanya terhadap badan, akal ataupun harta. Sebagaimana dimaklumi pula, bahwa merokok adalah berbahaya terhadap badan dan harta.

Adapun dalil dari i'tibar (logik) yang benar, yang menunjukkan keharaman merokok adalah kerana (dengan perbuatannya itu) si perokok mencampakkan dirinya sendiri ke dalam hal yang menimbulkan hal yang berbahaya, rasa cemas dan keletihan jiwa.

Orang yang berakal tentunya tidak rela hal itu terjadi terhadap dirinya sendiri. Alangkah tragisnya keadaan dan demikian sesak dada si perokok, bila dirinya tidak menghisapnya. Si perokok berasa ketagih dengan perbuatan merokok. Alangkah berat dirinya berpuasa dan melakukan ibadah-ibadah lainnya kerana hal itu menghalangi dirinya dari merokok. Bahkan, alangkah berat dirinya berinteraksi dengan orang-orang yang salih kerana tidak mungkin mereka membiarkan rokok mengepul di hadapan mereka. Kerananya,

anda akan melihat dirinya demikian tidak karuan bila duduk-duduk bersama mereka dan berinteraksi dengan mereka.

Semua i'tibar tersebut menunjukkan bahwa merokok adalah diharamkan hukumnya. Kerana itu, nasehat Syaikh Muhammad bin Shalih Al-Utsaimin buat saudara kaum muslimin yang didera oleh kebiasaan menghisapnya agar memohon pertolongan kepada Allah dan mengikat tekad untuk meninggalkannya sebab di dalam tekad yang tulus disertai dengan memohon pertolongan kepada Allah serta megarap pahalanya dan menghindari siksaanNya, semua itu adalah amat membantu di dalam upaya meninggalkannya tersebut.

Jika ada orang yang beralasan, "Sesungguhnya kami tidak menemui nas, baik di dalam Kitabullah ataupun Sunnah Rasulullah perihal haramnya merokok itu sendiri".

Jawaban atas kenyataan ini, bahwa nas-nas Kitabullah dan As-Sunnah terdiri dari dua jenis.

[1]. Satu jenis yang dalil-dalilnya bersifat umum seperti Adh-Dhawabith (ketentuan-



ketentuan) dan kaedah-kaedah di mana mencakup rincian-rincian yang banyak sekali hingga Hari Kiamat.

[2]. Satu jenis lagi yang dalil-dalilnya memang diarahkan kepada sesuatu itu sendiri secara langsung.

Sebagai contoh untuk jenis pertama adalah ayat Al-Qur'an dan dua buah hadith yang telah Syaikh Muhammad bin Shalih Al-Utsaimin nyatakan di atas yang menunjukkan secara umum keharaman merokok sekalipun tidak secara langsung diarahkan kepadanya.

Sedangkan untuk contoh jenis kedua adalah firmanNya yang bermaksud:

**"Diharamkan bagimu (memakan) bangkai, darah, daging babi, (daging hewan) yang disembelih atas nama selain Allah"** [Al-Maidah : 3]

Dan firmanNya yang bermaksud:

**"Hai orang-orang yang beriman, sesungguhnya (meminum) khamr, berjudi (berkorban untuk) berhala, mengundi nasib dengan panah, adalah perbuatan keji termasuk perbuatan syaitan. Maka jauhilah perbuatan-perbuatan itu"** [Al-Ma'idah : 90]

Jadi, baik nas-nas tersebut termasuk ke dalam jenis pertama atau jenis kedua, maka ia bersifat keniscayaan (keharusan) bagi semua hamba Allah kerana dari sisi pendalilan mengindikasikan hal itu.

[Program Nur Alad Darb, dari Fatwa Syaikh Ibn Utsaimin]

[Disalin dari buku Al-Fatawa Asy-Syar'iyah Fi Al-Masa'il Al-Ashriyyah Min Fatawa Ulama Al-Balad Al-Haram, edisi Indonesia Fatwa-Fatwa Terkini, Penerbit Darul Haq]

## Masa Yang Menentukan?

### Soalan:

Bolehkah kita mengatakan "biar waktu yang menentukan segala-galanya" atau "biarlah taqdir yang menentukan"?

### Jawapan:

Perkataan seperti itu tidaklah sepatutnya diungkapkan. Waktu dan taqdir tidak memiliki apa-apa kuasa untuk menentukan sesuatu. Syeikh Muhammad bin Soleh al-'Uthaimin r.h pernah ditanya persoalan yang sama. Beliau menjawab:

"Ia termasuk perkataan mungkar (tidak menepati syara'). Waktu bererti masa. Ia tiada kuasa dan kehendak. Begitu juga taqdir. Ia tidak memiliki kuasa dan kehendak."

Kuasa dan kehendak hanya milik ALLAH Azza wa Jal. Jika seseorang berkata "taqdir ALLAH yang menentukan sesuatu" ia tidak termasuk perkataan yang dilarang."

(Majmu' Fatawa wa Rasaail, oleh Muhammad bin 'Uthaimin, jil: 3, ms 131-132. Rujuk: Al-man bi al-Qadq wa al-Qadr, oleh Muhammad bin Ibrahim al-Hamd, ms: 147).